


**PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN  
PEMBELAJARAN KOLABORATIF DAN  
TERARAH KENDIRI GURU DAN PELAJAR  
PENGAJIAN PERNIAGAAN TINGKATAN ENAM  
MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN  
MASALAH**



**JANET JEQUILINE JOLLY TINJOL**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN  
PEMBELAJARAN KOLABORATIF DAN  
TERARAH KENDIRI GURU DAN PELAJAR  
PENGAJIAN PERNIAGAAN TINGKATAN ENAM  
MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN  
MASALAH**



**JANET JEQUILINE JOLLY TINJOL**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN PEMBELAJARAN KOLABORATIF DAN TERARAH KENDIRI GURU DAN PELAJAR PENGAJIAN PERNIAGAAN TINGKATAN ENAM MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **KURIKULUM DAN PENGAJARAN**

Saya **JANET JEQUILINE JOLLY TINJOL** Sesi **2018-2022** mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

\_\_\_\_\_  
**JANET JEQUILINE JOLLY TINJOL**  
**DP1811025T**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 10 Mac 2022

\_\_\_\_\_  
( Dr. Christina Andin)  
Penyelia


## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

10 Disember 2021

---

Janet Jequiline Jolly Tinjol  
DP1811025T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **JANET JEQUILINE JOLLY TINJOL**


NO MATRIK : **DP1811025T**

TAJUK : **PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN PEMBELAJARAN  
KOLABORATIF DAN TERARAH KENDIRI GURU DAN  
PELAJAR PENGAJIAN PERNIAGAAN TINGKATAN ENAM  
MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **KURIKULUM DAN PENGAJARAN**

TARIKH VIVA : **10 DISEMBER 2021**



**PENYELIA**  
Dr. Christina Andin

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan yang telah mengurniakan rezeki, kekuatan, ruang dan peluang untuk menyiapkan penulisan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah. Seterusnya, ucapan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia di atas tajaan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa yang telah diberikan. Tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang saya terima memberi dorongan dan motivasi kepada saya untuk gigih menamatkan pengajian mengikut masa yang ditetapkan.

Sesungguhnya penulisan ini tidak akan terhasil tanpa tunjuk ajar yang berterusan daripada pensyarah pembimbing. Justeru, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Christina Andin @ Qistina Abdullah yang telah membimbing, memberi nasihat dan menyuntik semangat agar saya terus maju ke hadapan. Segala informasi akan saya gunakan dalam mengembangkan lagi ilmu pengetahuan saya pada masa akan datang. Semoga Tuhan membalas segala jasa baik Dr.

Tidak dilupakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang memberikan kebenaran menjalankan kajian dan seterusnya guru-guru serta pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam yang telah memberi kerjasama yang baik bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Jasa baik kalian tidak akan dilupakan.

Perjalanan untuk mengenggam Ijazah Doktor Falsafah tidak akan berjaya tanpa iringan doa restu daripada ayahanda En. Tinjol Unggah dan bonda tercinta Pn Angeline Pih Lian. Kepada Suami Gregory Hoindi dan anak-anak Gracie dan Blessie terima kasih kerana sentiasa memahami dan memberi sokongan. Adik beradik Dr Jeromie, Jeneffer dan Jeff Jackson JR terima kasih kerana sentiasa ada untuk membantu. Buat rakan-rakan seperjuangan khususnya penerima HLP Zon Sabah 2018 juga dititipkan ucapan penghargaan atas kesudian berkongsi rasa dan coretan kenangan sepanjang pengajian.

Akhir sekali, perjuangan ini memerlukan semangat, pengorbanan masa dan tenaga yang tinggi untuk mendapatkan idea yang bernas dan berkualiti. Semoga ilmu ini mendapat keberkatan daripada Tuhan.

Janet Jequiline Jolly Tinjol

10 Disember 2021

## ABSTRAK

Malaysia memerlukan Pengajian Perniagaan yang berkualiti untuk melahirkan graduan yang kompeten dan boleh menggunakan pengetahuan serta kemahiran dalam situasi kehidupan sebenar untuk pembangunan negara. Oleh itu, guru-guru Pengajian Perniagaan (PP) Tingkatan Enam disarankan mengamalkan strategi pembelajaran aktif seperti yang diamalkan di kebanyakan negara maju. Walau bagaimanapun, guru Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam masih mengamalkan kaedah pengajaran konvensional memandangkan kekurangan model yang boleh dijadikan panduan dalam melaksanakan kaedah Pengajaran dan Pemudahcaraan secara aktif. Hal ini memberi kesan terhadap pembentukan kemahiran yang penting iaitu kemahiran pembelajaran kolaboratif (PK) dan pembelajaran terarah sendiri (PTK) dalam menyediakan pelajar yang dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan kelak. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan model kemahiran PK dan PTK melalui peranan dan persepsi guru dan pelajar PP Tingkatan enam menggunakan kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Peserta kajian terdiri daripada dua orang guru PP dan tujuh belas pelajar Tingkatan Enam yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan dari sebuah Pusat Tingkatan Enam di Daerah Papar, Sabah. Guru dan pelajar telah menjalani proses pembelajaran selama lapan minggu menggunakan kaedah PBM dalam topik Kepimpinan. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Data seterusnya ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan berbantuan perisian NVivo12. Komponen kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehsandaran dan kebolehsahan telah dilaksanakan bagi menentukan kejujuran data. Pada akhir kajian, pembangunan model PK dan PTK melalui PBM merangkumi dua elemen utama iaitu peranan aktif guru dan peranan aktif pelajar PP Tingkatan Enam. Peranan aktif guru ialah sebagai fasilitator yang bertindak sebagai pakar dalam proses pemudahcaraan dan isi kandungan untuk membentuk kemahiran PK dan PTK pelajar. Manakala, peranan aktif pelajar pula ialah membina pengetahuan bersama dalam membentuk kemahiran PK dengan cara membentuk pemahaman bersama, menyumbang idea secara kolektif dan mengawal dinamik kumpulan. Bagi pembentukan kemahiran PTK, pelajar PP Tingkatan Enam memainkan peranan aktif membina pemahaman sendiri dengan cara bertanggungjawab dalam sifat dan proses pembelajaran sendiri. Model PK dan PTK melalui PBM turut memasukkan elemen sampingan iaitu persepsi positif dan negatif guru dan pelajar terhadap pelaksanaan PBM. Adalah diharapkan model ini dapat dijadikan panduan Pengajaran dan Pemudahcaraan kepada guru Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam dalam membentuk kemahiran PK dan PTK pelajar yang diharapkan dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan kelak.

**Kata Kunci:** Model, Pengajian Perniagaan, Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif, Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri, Pembelajaran Berasaskan Masalah

## **ABSTRACT**

### **DEVELOPING COLLABORATIVE AND SELF-DIRECTED LEARNING SKILLS MODEL VIA PROBLEM-BASED LEARNING FOR FORM 6 BUSINESS STUDIES TEACHERS AND STUDENTS**

*Malaysia needs a top-notch Business Studies in order to produce competent graduates who are able to use their knowledge and skills in real-life situations to aid in the development of the country. Therefore, Business Studies teachers are encouraged to implement active teaching strategies that are practised in many developed countries. However, Form Six Business Studies teachers still practice conventional teaching methods due to the lack of models that can be used as guidelines to implement active teaching and learning strategies. Hence, affected the development of collaborative learning (CL) and self-directed learning (SDL) skills that are crucial in preparing students to compete in the workforce. Based on this assertion, this research aimed at developing a model of CL and SDL skills based on the roles and perceptions of teachers and students of Form Six Business Studies through Problem Based Learning (PBL). This research adopted qualitative case study research approach. The participants were two Business Studies teachers and 17 students who are taking Business Studies in a Form Six learning centre in the District of Papar, Sabah. The participants were chosen through purposeful sampling and they underwent eight weeks of teaching and learning of the topic 'leadership' using the PBL method. Data were collected through observations, interviews and document analysis. The data were then transcribed and analysed using the content analysis method with the help of Nvivo 12 software programme. The components of credibility, transferability, dependability and confirmability were implemented to determine the trustworthiness of the data. At the end of the research the development of CL and SDL models through PBL includes two main elements, namely the active role of teachers and the active role of Form Six Business Studies students. The active role of the teachers were as a facilitator who acted as an expert in facilitating the learning process and content development of CL and SDL skills in students. Conversely, students active roles were to develop CL skills by developing ideas together, contributing ideas collectively and practising group dynamics. To develop SDL skills, the students need to play an active role in developing self-understanding responsibly through the nature and process of independent learning. The CL and SDL model through PBL also includes side-elements, namely the positive and negative perceptions of teachers and students on the implementation of PBL. It is hoped that the model can be used as a guideline in the Teaching and Facilitation process for Form Six Business Studies teachers in developing students' CL and SDL skills who are expected to meet the needs of the job market in the future.*

**Keywords:** *Model, Business Studies, Collaborative Learning Skills (CLS), Self-Directed Learning Skills (SDL), Problem-Based Learning (PBL)*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Istilah	12
1.8.1 Peranan	12
1.8.2 Pembelajaran Berasaskan Masalah	13

1.8.3	Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	13
1.8.4	Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri	13
1.8.5	Persepsi	14
1.8	Kesimpulan	14

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Pembelajaran Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam	15
2.3	Teori Pembelajaran	17
2.3.1	Teori Konstruktivisme Kognitif Piaget	17
2.3.2	Teori Konstruktivisme Sosial	20
2.4	Pembelajaran Berasaskan Masalah	24
2.4.1	Ciri-Ciri Pembelajaran Berasaskan Masalah	29
2.4.2	Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah	30
2.5	Peranan Guru dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah	33
2.6	Peranan Pelajar dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah	38
2.7	Penilaian Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah	40
2.8	Model Pembelajaran Berasaskan Masalah	43
2.9	Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	48
2.9.1	Model Pembelajaran Kolaboratif	50
2.9.2	Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif dan Pembelajaran Berasaskan Masalah	56
2.10	Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri	59
2.10.1	Model Pembelajaran Terarah Kendiri	60
2.10.2	Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri dan Pembelajaran Berasaskan Masalah	65
2.11	Persepsi Guru mengenai Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	66
2.12	Persepsi Pelajar mengenai Pembelajaran Berasaskan Masalah	72
2.13	Kerangka Teoretikal Kajian	75
2.14	Kesimpulan	79

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	80
-----	------------	----

3.2	Paradigma Kajian	80
3.3	Reka Bentuk Kajian	82
	3.3.1 Kajian Kes	83
	3.3.2 Unit analisis	85
3.4	Lokasi kajian	86
3.5	Peserta Kajian	87
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	88
	3.6.1 Fasa Persediaan	89
	3.6.2 Fasa Pelaksanaan	90
3.7	Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	90
	3.7.1 Panduan Guru	92
	3.7.2 Panduan Pelajar	92
3.8	Kajian Rintis	92
3.9	Pengumpulan Data	94
	3.9.1 Data Pemerhatian	95
	3.9.2 Temu Bual	96
	3.9.3 Data Dokumen	100
3.10	Kejujuran ( <i>Trustworthiness</i> )	101
	3.10.1 Kredibiliti ( <i>Credibility</i> )	101
	3.10.2 Kebolehpindahan ( <i>Transferability</i> )	103
	3.10.3 Kobohehsandaran Dan Ketekalan	103
3.11	Prosedur Analisis Data	106
	3.11.1 Analisis Kandungan	106
	3.11.2 Perisian Bantuan Analisis Data Nvivo	111
3.12	Etika Kajian	112
3.13	Kesimpulan	117

#### **BAB 4 ANALISIS KEMAHIRAN PEMBELAJARAN KOLABORATIF**

4.1	Pengenalan	118
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	118
	4.2.1 Peserta Guru	119
	4.2.2 Peserta Pelajar	119
4.3	Peranan Guru Pengajian Perniagaan Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui Kaedah PBM	120

4.3.1	Peranan Guru Sebagai Fasilitator	124
4.4	Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	147
4.4.1	Peranan Pelajar Membina Pengetahuan Bersama	152
4.5	Ringkasan	185

## **BAB 5 ANALISIS KEMAHIRAN PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI**

5.1	Pengenalan	186
5.2	Peranan Guru Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Melalui Kaedah PBM	186
5.2.1	Peranan Sebagai Fasilitator	190
5.3	Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Melalui Kaedah PBM	199
5.3.1	Peranan Pelajar Membina Pengetahuan Kendiri	203
5.4	Ringkasan	234

## **BAB 6 ANALISIS PERSEPSI GURU DAN PELAJAR**

6.1	Pengenalan	235
6.2	Persepsi Guru Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah	235
6.2.1	Persepsi Positif guru terhadap PBM	238
6.2.2	Persepsi Negatif Guru	249
6.3	Persepsi Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Terhadap Pelaksanaan Kaedah PBM	260
6.3.1	Persepsi Positif Pelajar	263
6.3.2	Persepsi Negatif Pelajar	293
6.4	Kesimpulan	300

## **BAB 7 DAPATAN MODEL PERANAN GURU DAN PELAJAR**


7.1	Pengenalan	302
7.2	Model Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Dan Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Guru Dan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Melalui Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	302

7.2.1	Peranan Aktif Guru dan Pelajar Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui PBM	302
7.2.2	Peranan Aktif Guru dan Pelajar membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah sendiri Pelajar Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	309
7.2.3	Persepsi Guru dan Pelajar mengenai Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah	314
7.3	Kesimpulan	321

## **BAB 8 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

8.1	Pengenalan	322
8.2	Ringkasan Kajian	322
8.3	Perbincangan Dapatan Kajian	324
8.3.1	Peranan Guru Pengajian Perniagaan Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	324
8.3.2	Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	328
8.3.3	Peranan Guru Pengajian Perniagaan Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Melalui Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	335
8.3.4	Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Melalui Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	337
8.3.5	Persepsi Guru Pengajian Perniagaan Mengenai Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	340
8.3.6	Persepsi Pelajar Pengajian Perniagaan Mengenai Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah	344
8.3.7	Model Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif dan Terarah Kendiri Guru dan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam	348
8.4	Sumbangan Kajian	351
8.5	Implikasi Kajian	351
8.5.1	Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	352
8.5.2	Implikasi Kepada Guru	352
8.5.3	Implikasi Kepada Pelajar	353
8.6	Cadangan	353

8.6.1	Cadangan Kajian	354
8.6.2	Cadangan Kajian Lanjutan	356
8.7	Kesimpulan	357
<b>BIBLIOGRAFI</b>		358
<b>LAMPIRAN</b>		382



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Tujuan Model Pembelajaran Berasaskan Masalah	43
Jadual 2.2 : Model-model Pembelajaran Berasaskan Masalah	45
Jadual 2.3 : Model PBM Seven Jumps (Schmidt, 1983)	47
Jadual 2.4 : Ringkasan Konstruk Model PTK	65
Jadual 3.1 : Ringkasan Perubahan Selepas Pelaksanaan Kajian Rintis	94
Jadual 3.2 : Jadual Sesi Pemerhatian	96
Jadual 3.3 : Jadual Fasa Temu bual	99
Jadual 3.4 : Jadual Pelaksanaan Sesi Temu Bual	100
Jadual 3.5 : Skala Persetujuan Cohen Kappa	104
Jadual 3.6 : Proses Pengiraan Berdasarkan Formula Cohen's Kappa	105
Jadual 3.7 : Ringkasan Kajian	114
Jadual 4.1 : Senarai Peserta Kajian Pelajar Berdasarkan Kod Dan Jantina	119
Jadual 4.2 : Analisis Data Pemerhatian yang Menunjukkan Kod, Label, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	120
Jadual 4.3 : Analisis Temu Bual yang Menunjukkan Kod, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	123
Jadual 4.4 : Analisis Data Dokumen yang Menunjukkan Kod, Label, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	124
Jadual 4.5 : Analisis Data Pemerhatian Pelajar yang Menunjukkan Kod, Pengekodan, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	148
Jadual 4.6 : Analisis Data Temu Bual Kumpulan Fokus Pelajar yang Menunjukkan Kod Awal, Subkategori, Kategori Tema dan	150

Kategori Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif

Jadual 4.7	: Analisis Data Dokumen yang Menunjukkan Kod, Label Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	152
Jadual 5.1	: Analisis Data Pemerhatian yang Menunjukkan Teks, Label, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri	187
Jadual 5.2	: Analisis Temu Bual yang Menunjukkan Kod, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri	188
Jadual 5.3	: Analisis Dokumen yang Menunjukkan Kod, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri	189
Jadual 5.4	: Analisis Data Pemerhatian Pelajar yang Menunjukkan Teks Catatan Lapangan, Label, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri	199
Jadual 5.5	: Analisis Data Temu Bual Kumpulan Fokus Pelajar yang Menunjukkan Kod Awal, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Terarah Kendiri	201
Jadual 5.6	: Analisis Data Dokumen yang menunjukkan Kod, Label, Subkategori, Kategori dan Tema Peranan Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif	202
Jadual 6.1	: Kod Awal, Subkategori, Kategori dan Tema Mengenai Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah	237
Jadual 6.2	: Kod-kod Awal, Sub Kategori, Kategori dan Tema Persepsi Pelajar mengenai Pembelajaran Berasaskan Masalah	262




## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Zon Perkembangan Proksima (ZPD)	22
Rajah 2.2 : Perbezaan antara Pembelajaran Tradisional dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah	28
Rajah 2.3 : <i>Study Activity Model</i>	37
Rajah 2.4 : Kerangka Pengembangan Kemahiran Kolaborasi ACER	55
Rajah 2.5 : Kerangka Teoretikal Kajian	78
Rajah 3.1 : Contoh Proses Triangulasi	102
Rajah 3.2 : Prosedur Analisis Data Berdasarkan Kaedah Analisis Kandungan	110
Rajah 3.3 : Contoh Analisis Data Menggunakan Perisian NVivo 12	111
Rajah 4.1 : Analisis Temu Bual Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Menggunakan Perisian NVivo 12	122
Rajah 4.2 : Carta FILA	133
Rajah 4.3 : Borang Penilaian Perbentangan	137
Rajah 4.4 : Peta Kognitif Peranan Guru Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Pelajar Pengajian Tingkatan Enam Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	146
Rajah 4.5 : Dapatan Peranan Guru Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	147
Rajah 4.6 : Analisis Temu Bual Peranan Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Menggunakan Perisian NVivo 12	150
Rajah 4.7 : Peta Kognitif Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	184

Rajah 4.8	:	Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	185
Rajah 5.1	:	Analisis Temu Bual Peranan Guru dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Menggunakan Perisian NVivo 12	188
Rajah 5.2	:	Peta Kognitif yang Menunjukkan Peranan Guru Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar Pengajian Perniagaan Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	197
Rajah 5.3	:	Peranan Guru Dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar Pengajian Perniagaan Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	198
Rajah 5.4	:	Analisis Data Temu Bual Kumpulan Fokus Pelajar dalam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif Menggunakan Perisian NVivo 12	201
Rajah 5.5	:	Peta Kognitif Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	233
Rajah 5.6	:	Peranan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Membentuk Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah	234
Rajah 6.1	:	Analisis Temu bual Persepsi Guru Mengenai Pembelajaran Berasaskan Masalah Menggunakan Perisian NVivo 12	236
Rajah 6.2	:	Peta Kognitif Yang Menunjukkan Persepsi Guru Pengajian Perniagaan Mengenai Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah	258
Rajah 6.3	:	Persepsi Guru Pengajian Perniagaan Mengenai Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah	260
Rajah 6.4	:	Analisis Temu Bual Persepsi Kumpulan Fokus Pelajar Mengenai Pembelajaran Berasaskan Masalah Menggunakan Perisian NVivo 12	261
Rajah 6.5	:	Peta Kognitif Yang Menunjukkan Persepsi Pelajar Mengenai Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah	299
Rajah 6.6	:	Persepsi Pelajar Mengenai Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah	300
Rajah 7.1	:	Carta Proses Penghasilan Model Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif dan Terarah Kendiri Guru dan Pelajar Pengajian	319

Perniagaan Tingkatan Enam Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah


Rajah 7.2 : Model Kemahiran Pembelajaran Kolaboratif dan Terarah 320  
Kendiri Guru dan Pelajar Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>PBM</b>	-	Pembelajaran Berasaskan Masalah
<b>PdPc</b>	-	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
<b>PK</b>	-	Pembelajaran Kolaboratif
<b>PTK</b>	-	Pembelajaran Terarah Kendiri
<b>PP</b>	-	Pengajian Perniagaan
<b>IPT</b>	-	Institusi Pengajian Tinggi
<b>MPM</b>	-	Majlis Peperiksaan Malaysia
<b>JPM</b>	-	Jabatan Perangkaan Malaysia



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Panduan Melaksanakan Modul PBM	382
Lampiran B : Kebenaran Kajian Rintis BPPDP	432
Lampiran C : Kebenaran Kajian Rintis – JPN	433
Lampiran D : Surat Permohonan Penilaian Instrumen	434
Lampiran E : Borang Pengesahan Kandungan Modul PBM	435
Lampiran F : Borang Pengesahan Pakar Protokol Pemerhatian	436
Lampiran G : Borang Pengesahan Pakar Protokol Temu bual	437
Lampiran H : Surat Kebenaran Kajian Sebenar BPPDP	438
Lampiran I : Surat Kebenaran Kajian Sebenar JPN	439
Lampiran J : Surat Kebenaran Kajian Sebenar Pengetua	440
Lampiran K : Borang Persetujuan Peserta Kajian	441
Lampiran L : Borang Protokol Pemerhatian	442
Lampiran M : Catatan Lapangan Kajian	451
Lampiran N : Protokol Temu bual Guru	458
Lampiran O : Protokol Temu bual Pelajar	460
Lampiran P : Transkripsi Temu bual	464
Lampiran Q : Contoh Analisis menggunakan Perisian Nvivo	471
Lampiran R : Borang Pengesahan Data Temu bual oleh Peserta Kajian	472
Lampiran S : Jejak Audit	473
Lampiran T : Borang Persetujuan Pakar	474
Lampiran U : Penilaian Cohen Kappa	475

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pada era globalisasi ini, institusi pendidikan berdepan dengan perubahan persekitaran umum perniagaan. Perubahan persekitaran umum ini merangkumi kemunculan pasaran global, sistem ekonomi yang terbuka dan bebas, sistem politik yang bersifat demokratik serta perubahan revolusi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (Hallinger & Snidvongs, 2008). Oleh itu, para pelajar Pengajian Perniagaan (PP) akan berdepan dengan cabaran baharu apabila tamat belajar kelak. Cabaran ini termasuklah peningkatan persaingan global serta keperluan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam tenaga kerja, kemahiran interpersonal dan kemahiran komputer (Mohammad Ayub Khan, 2015). Oleh itu, pelajar PP perlu bersedia dengan kemahiran-kemahiran untuk menyahut cabaran tersebut.

Selaras dengan itu, Majlis Peperiksaan Malaysia telah memperkenalkan subjek PP Tingkatan Enam yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam perniagaan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan membolehkan pelajar meneruskan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), peringkat kelayakan profesional, dan menceburi kerjaya dalam bidang perniagaan dan pengurusan (Majlis Peperiksaan Malaysia [MPM], 2013). Oleh itu, pelajar PP mempunyai beberapa pilihan laluan kerjaya selepas menamatkan pengajian di Tingkatan Enam.

Sehubungan itu, kompetensi pelajar PP Tingkatan Enam penting kerana ia dijadikan kriteria yang asas dalam menentukan kebolehpasaran pelajar untuk

memasuki alam pekerjaan kelak. Menurut Winterton dan Turner (2019) antara kriteria tersebut termasuklah pemilihan pekerja, penentuan asas pampasan, pengukuran prestasi, penilaian keperluan latihan, hasil latihan dan perancangan strategik dalam bidang perniagaan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk membangunkan dan meningkatkan kompetensi pelajar PP supaya dapat berdepan dengan cabaran alam pekerjaan sebenar.

Pada masa yang sama, guru PP Tingkatan Enam turut berperanan penting dalam mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang efektif dalam bilik darjah. Pendekatan pengajaran tersebut perlulah mengambil kira aspek-aspek yang boleh meningkatkan kompetensi serta kemahiran generik pelajar dan bukan semata-mata mementingkan hasil pembelajaran sahaja (Zailani Ahmed, 2015). Oleh sebab itu, pembangunan model kompetensi pelajar perlu ada untuk dijadikan panduan kepada guru PP Tingkatan Enam dalam membentuk kemahiran generik pelajar.

Hal ini kerana kemahiran generik seseorang pelajar banyak bergantung kepada proses pembelajaran yang telah dilalui semasa berada di alam persekolahan. Jika hal ini kurang dititikberatkan, kemungkinan besar pelajar tidak dapat bersaing dalam pasaran buruh dan menyebabkan peningkatan kadar pengangguran yang berterusan dalam kalangan graduan PP.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pada masa kini, Malaysia menghadapi cabaran pengangguran dengan kadar pengangguran mencapai tahap 3.4% sehingga tahun 2019 (Statistik, 2019). Laporan survei Jabatan Perangkaan Malaysia 2019 menyatakan bahawa golongan belia yang berumur antara 20 hingga 24 tahun menyumbang kadar pengangguran yang paling tinggi iaitu sebanyak 41 peratus. Golongan belia yang telah tamat pengajian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), diploma dan ijazah sarjana muda antara golongan yang menyumbang terhadap kadar pengangguran tersebut (Statistik, 2019).

Dalam pada itu, terdapat majikan yang menyatakan faktor kualiti graduan yang melibatkan kemahiran generik merupakan antara sebab masalah pengangguran ini berlaku (Sharifah Farhana Syed Othman & Rahmah Ismail, 2011). Zaliza Hanapi dan Mohd Safarin Nordin (2014) menyatakan graduan kekurangan penguasaan terhadap kemahiran generik seperti kemahiran etika pekerjaan, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, membuat keputusan dan kepimpinan. Hal ini menyebabkan ketidaksepadanan berlaku antara kemahiran dengan keperluan majikan di mana tawaran pekerjaan hanya dapat diisi oleh sebilangan pekerja sahaja walaupun terdapat banyak tawaran pekerjaan dalam pasaran buruh (Normala Rahmat *et al.*, 2016).

Menyedari akan hal ini, kemahiran generik dilihat sebagai aspek penting untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar PP dalam sektor pekerjaan. Oleh itu, pelajar PP Tingkatan Enam perlu melengkapkan diri mereka agar selaras dengan kehendak pasaran kerja. Menurut Breslow (2015), antara kecekapan yang diperlukan dalam dunia pekerjaan abad ke-21 ialah keupayaan untuk menganalisis, mensintesis, menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis, bekerjasama, mampu bekerja dengan berkesan dalam satu pasukan, menangani konflik, berinovasi, mahir dalam bidang keusahawanan, dan sudah tentu mampu berkomunikasi dengan baik. Dalam konteks kerjaya bidang PP, kemahiran kolaboratif ialah salah satu daripada kemahiran generik yang diperlukan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan perniagaan (Truong & Laura, 2015). Ini disebabkan kerja berpasukan dapat mewujudkan sinergi untuk mencapai sesuatu hasil yang lebih baik.

Justeru, kemahiran kolaboratif dalam kalangan pelajar PP di dalam bilik darjah boleh dipupuk dengan melibatkan aktiviti perbincangan dalam satu kumpulan kecil untuk membentuk kerja berpasukan dalam diri pelajar. Wu *et al.* (2018) menyatakan pembentukan kumpulan yang kecil ini dapat membentuk kerja berpasukan atau "*teamwork*" dan menggabungkan kerja untuk mencapai matlamat yang sama. Kerja berpasukan jelas memberi peluang kepada pelajar PP untuk lebih bekerjasama dan dapat mengaplikasikan situasi sebenar dalam pembelajaran.